



KENYATAAN MEDIA

'KEMPEN MENCARUM PERKESO USAHAWAN TEKUN' SASAR 25,000 USAHAWAN BERDAFTAR DENGAN PERKESO

JOHOR BAHRU, JOHOR – Seramai **25,000** usahawan **TEKUN Nasional** disasarkan mendaftar dan mencarum dengan **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** menerusi **Kempen Mencarum PERKESO Usahawan TEKUN** yang dilancarkan hari ini.

Kempen yang merupakan hasil kerjasama **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menerusi agensinya, **PERKESO** dan **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** menerusi agensinya, **TEKUN Nasional** ini bermatlamat meningkatkan kesedaran golongan usahawan mengenai kepentingan perlindungan keselamatan sosial, di samping menggalakkan mereka mencarum dengan **PERKESO**.

Kempen ini juga merupakan satu inisiatif proaktif untuk memastikan jaringan perlindungan keselamatan sosial semakin diperluaskan kepada golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS), khususnya dalam kalangan usahawan di Malaysia. Bagi memastikan golongan ini dilindungi dan menggalakkan mereka mendaftar dengan **PERKESO**, **TEKUN Nasional** akan menawarkan perkhidmatan pembiayaan caruman **SKSPS** menerusi skim pembiayaan yang dibuat oleh usahawan **TEKUN**.

Majlis pelancaran **Kempen Mencarum PERKESO Usahawan TEKUN** ini telah disempurnakan oleh **YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** dan disaksikan oleh **YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia**. Turut hadir, **YBhg. Datuk Haji Zamri Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) MEDAC**, **YBrs. Encik A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KSM**, **YBhg. Dato' Adam Abd Ghani, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, TEKUN Nasional** dan **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO**.

YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) ketika ditemui berkata, "Sehingga kini seramai **16,830** orang usahawan **TEKUN** telah mencarum di bawah **SKSPS**. Justeru, kempen ini mendokong matlamat untuk menarik lebih ramai usahawan **TEKUN** untuk mencarum **SKSPS**."

“Saya juga berharap TEKUN Nasional dapat memikir dan mempertimbangkan bagaimana semua usahawan TEKUN dapat diwajibkan untuk mencarum dengan PERKESO sepanjang tempoh pembiayaan, pada masa akan datang”.

YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia pula berkata, “KSM menyambut baik dan menghargai sokongan yang dizahirkan oleh MEDAC menerusi TEKUN Nasional untuk mendaftar dan mencarumkan para usahawan mereka seperti pengusaha, penjaja dan peniaga kecil dengan SKSPS PERKESO. Saya juga yakin bahawa usaha untuk memberikan perlindungan sosial kepada mereka ini bukan sahaja akan disambut baik oleh para usahawan TEKUN, malah turut akan memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka dan insan yang mereka sayangi sentiasa terjaga dan terpelihara.”

Pada majlis yang sama, turut dianjurkan sesi taklimat khas mengenai SKSPS PERKESO kepada usahawan TEKUN, sesi penyerahan nota perlindungan PERKESO, penyampaian watakah pelantikan kepada TEKUN sebagai ejen dan pemberian tuntutan faedah PERKESO kepada pencarum OBS.

Berdasarkan statistik PERKESO sehingga **18 Februari 2022**, seramai **360,469** atau kira-kira **15 peratus** OBS di seluruh negara telah mencarum dengan SKSPS, daripada jumlah keseluruhan OBS di seluruh Malaysia iaitu kira-kira **2.38 juta**. Sementara itu, lebih **RM6 juta** telah dibayar oleh PERKESO kepada seramai **2,142** penerima faedah dalam kalangan OBS. Jumlah tersebut termasuk seramai **169** penerima **Faedah Orang Tanggungan (FOT)** yang diterima oleh waris OBS bagi kes yang melibatkan kematian semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri.

Sejak 1 Jun 2017, PERKESO menyediakan SKSPS untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan. Antara manfaat perlindungan keselamatan sosial yang disediakan dalam SKSPS adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Faedah Pengurusan Mayat (FPM), Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Pinjaman Pendidikan dan Kemudahan Pemulihan Jasmani dan Vokasional.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik, PERKESO

dan

Jabatan Korporat dan Pemasaran, TEKUN Nasional

22 FEBRUARI 2022

Mengenai PERKESO:

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.

Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, Program JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.

Mengenai TEKUN Nasional:

TEKUN Nasional merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang ditubuhkan pada 9 November 1998. Peranan TEKUN Nasional adalah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan mikro Bumiputera dan India untuk memula dan memajukan perniagaan. Selain itu, TEKUN Nasional juga menyediakan peluang perniagaan, peluang menjana pendapatan, khidmat bimbingan dan sokongan serta jaringan usahawan.

Sehingga kini, TEKUN Nasional mempunyai 166 pejabat cawangan di seluruh negara meliputi 222 kawasan parlimen. Maklumat lanjut mengenai TEKUN Nasional sila layari www.tekun.gov.my.

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

PERKESO

Shafiq Adnan | shafiq.adnan@perkeso.gov.my | +60183246720

TEKUN NASIONAL

Noor Haslinda Md Arshad | haslinda@tekun.gov.my | +60183767769